

Pencuri Durian

Amira Auni Asmadi

“Tak mengapalah.” Bisik hati Zawawi, anak tunggal kepada pasangan ahli perniagaan yang berjaya. Pasangan tersebut telah pun berangkat ke Itali atas urusan perniagaan. Sudah seminggu Zawawi di kampung ini.

Bukan Zawawi tidak mahu ikut ibu bawanya, tetapi dia harus berkeorban memandangkan dia akan menduduki peperiksaan SPM yang bakal menjelang tidak lama lagi. Oleh sebab itulah dia memilih untuk tinggal bersama datuk dan neneknya dan bersekolah di kampung sementara ibu papanya berada di perantauan.

Zawawi bingkas bangun daripada pangkin di halaman rumah datuknya. Zawawi memang suka melayan perasaannya di situ setiap petang. Mana tidaknya, halamannya bersih, ceria dan udaranya pun segar. Siapa lagi yang telah membangkitkan kedamaian di situ jika bukan neneknya. Neneknyalah yang rajin membersihkan halaman rumah kampung itu. Semua itu juga sudah tentulah atas bantuan datuknya, seorang pesara tentera.

Kalau sudah namanya tentera, selama-lamanyalah seorang itu menjadi tentera. Itulah kata-kata yang acap kali Zawawi dengar daripada datuknya. Datuknya amat mementingkan disiplin. Kerana disiplin yang tinggi itu

jugalah bapanya berjaya seperti sekarang. Bapanya telah dididik dengan cara datuknya itu. Itu jugalah salah satu sebab kenapa dia memilih untuk tinggal di kampung yang permai itu dan bukan bersama Mak Su Bedahnya yang tinggal di bandar. Bagi Zawawi, tiada bezanya bersekolah di bandar dengan di kampung. Yang membezakan hanyalah sikap pelajar itu sendiri yang mahu berusaha. Dia sangat tidak bersetuju dengan Mak Su Bedah yang berpendapat bahawa sukar untuk mencapai kejayaan sekiranya bersekolah di luar bandar.

Ketika itu juga Zawawi melangka keluar daripada halaman yang dipenuhi dengan bunga-bunga yang menguntum. Dia ingin pergi ke tempat yang sering dikunjunginya sebelum Maghrib tiba. Tempat itu juga merupakan tempat yang disukai Zawawi di kampung ini. Rakan sekelasnya, Halim, sering mengajak Zawawi ke situ. Bukannya apa, sekadar ingin melepaskan tekanan. Halim sering berkata bahawa itulah cara untuknya melepaskan tekanan belajar.

“Apa-apa sajalah Halim. Asalkan kau bahagia.”
Zawawi menguntum senyum sendiri.

Setelah sehari-hari di kampung itu, dia mula mengenali jiran-jiran datuknya. Pelbagai ragam yang ada. Satu perkara yang paling disukai oleh Zawawi tentang penduduk kampung itu ialah pada keramahan dan sikap kerjasama mereka. Cuba bandingkan dengan jiran-jirannya di ibu kota. Jauh panggang dari api. Masing-masing sibuk dengan urusan sendiri sehinggakan kononnya tiada masa untuk bertegur sapa. Kadangkala, hendak melihat mereka senyum pun susah.

Zawawi berasa selesa sekali tinggal di kampung itu. Penduduk kampung itu juga terutamanya Wak Kadir Tempe dan Mak Minah Gelang, amat menyenangkan sikap Zawawi yang hormat kepada orang yang lebih tua. Dalam ramai-ramai orang yang menyenangkan Zawawi, ada juga yang menyimpan perasaan kurang senang terhadapnya.

“Huh, Mak Cik Kiah.” Getus hati Zawawi.

Entah apalah yang Mak Cik Kiah dengki pada Zawawi. Dia pun kurang pasti. Dia segera teringat akan kata-kata Mak Su Bedah kepada ibunya.

“Si Kiah tu memang begitu. Tak boleh nampak orang senang sikit. Nak iri hati. Biarlah dia dengan hasad dengkinya itu.”

Sesampai sahaja Zawawi di tempat yang ingin ditujunya. Kelihatan Halim sedang memerhatikan keadaan kandang lembunya.

“Cepat kau datang harini?” Halim mula bersuara.

“Biasalah, aku ikut jalan pintas. Jalan dusun Mak Cik Kiah.” Zawawi menjawab.

“Oh, patutlah! Nampaknya, kau dah mula mahir jalan-jalan pintas di kampung ni.”

Zawawi hanya tersenyum sambil melihat-lihat lembu-lembu peliharaan milik datuk Halim.

“Kau tahu bukan? Mak Cik Kiah tak sukakan kau. Tapi, kau masih lalu kawasannya.

“Jadi, kenapa?” Soal Zawawi.

“aku bukannya apa. Sebagai kawan, aku amat terasa bila dia katakan perkara yang tidak benar tentang

kau. Dia katakan yang kau bukanlah seorang yang baik. Dia kononnya bimbang kau akan bawa pengaruh buruk dari bandar kepada remaja kampung ini.”

“Biarkanlah saja. Nanti lama-lama senyaplah tu.”

Malam itu, selesai bersolat Isyak, Zawawi mula mengulang kaji pelajarannya. Begitulah kebiasaannya. Tidak berapa lama kemudian, kedengaran bunyi ketukan pintu yang amat kuat. Mendengarkan keadaan yang riu-rendah di luar biliknya, Zawawi lantas keluar untuk meninjau-ninjau.

“Memanglah! Budak bandar tu yang curi. Tak ada siapa lagi dah!”

Kedengaran datuk Zawawi cuba menenangkan keadaan.

“Sabar, Kiah! Sabar! Cuba kau bawa bertenang dan ceritakan apa masalah kau ini.”

Zawawi yang tidak memahami situasi ketika itu kelihatan terpinga-pinga.

“Aku tahu, kau selalu berulang-alik melalui dusun Cik Kiah, bukankah begitu, budak? Memang tak ada lainlah kerja engkau melainkan curi duriannya.” Tidak semena-mena Mak Cik Senah yang menemani Mak Cik Kiah mencelah.

“Kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang. Baik kau mengaku saja, budak bandar.” Mak Cik Kiah yang mula hilang sabar cuba untuk menerkam Zawawi, tetapi sempat dihalang oleh nenek Zawawi.

Zawawi mula faham cerita sebenar. Dia menafikan sekeras-kerasnya tuduhan Mak Cik Kiah itu.

Keesokannya, heboh seluruh kampung memperkatakan tentang Zawawi mencuri buah durian di dusun Mak Cik Kiah. Ramai yang tidak mempercayai cerita tersebut dan tidak kurang juga yang mempercayainya.

Mak Cik Kiah masih tidak berpuas hati. Dia harus menangkap segera pencuri duriannya. Mak Cik Kiah yakin dan pasti perbuatan itu pasti telah dilakukan oleh Zawawi. Yalah, sebelum Zawawi tiba di kampung itu, perkara sebegini tidak pernah menimpa dirinya, tetapi sejak Zawawi tinggal di situ, banyak saja perkara yang tidak diingini berlaku. Kejadian ini bukanlah sekali ini sahaja. Tetapi telah beberapa kali dalam minggu itu. Hati Mak Cik Kiah sering tertanya-tanya mengapalah dusunnya yang menjadi sasaran.

“Aku mesti lakukan sesuatu.” Bisik hati Mak Cik Kiah, nekad.

Pada suatu petang, Mak Cik Kiah mula menjalankan rancangannya. Dia tiak melakukannya sendirian, sebaliknya dia telah mengupah beberapa orang penduduk kampung untuk membantunya memerangkap pencuri durian.

Akhirnya pencuri tersebut tertangkap juga. Rupanya pencuri durian yang dicari bukanlah Zawawi, tetapi orang yang tidak disangka-sangka oleh Mak Cik Kiah iaitu anak kepada Mak Cik Senah.

Mak Cik Kiah meminta maaf kepada Zawawi kerana telah menuduhnya tanpa bukti.